

## UMS hantar 13 pelajar ke Jepun

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar 13 pelajar tahun akhir untuk mengikuti latihan perindustrian di Jepun selama 10 bulan bermula 14 Mac hingga 29 Mei depan.

Naib Canselor UMS Tan Sri Prof Dr Abu Hassan Othman, pelajar terbabit yang mengikuti program Akuakultur di UMS menjalani latihan di beberapa ladang akuakultur ikan Universiti Kin Ki dan dua lagi syarikat swasta di Jepun.

"Latihan ini adalah yang pertama bagi mendedahkan pelajar pengalaman bekerja di ladang penetasan dan penternakan ikan dalam sangkar," kata.

Beliau berucap pada majlis ramah mesra bersama 13 pelajar program berkenaan serta pelajar dan kakitangan Antarabangsa UMS kampus Labuan yang melawat kampus induk di Teluk Likas, kelmarin.

Abu Hassan berkata, ketika di Jepun semua pelajar terbabit akan diawasi oleh pihak pengurusan universiti dan pengurusan ladang yang terlatih dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, antara program ialah kerja penyelenggaraan sangkar ikan, pemakanan ikan, penyelenggaraan jaring, penetasan ikan dan penyelidikan makmal.

"Kami juga berharap pelajar terbabit mempelajari budaya dan tabiat bekerja masyarakat Jepun untuk dimanfaatkan apabila kembali dan bekerja di negara ini kelak," katanya.

Menurutnya, Jepun muncul sebagai antara negara akuakultur terkemuka kerana memiliki budaya bekerja yang baik yang dapat dimanfaatkan oleh negara bagi memajukan bidang yang sama.

"UMS sentiasa memastikan supaya pelajar memandang serius budaya bekerja yang mampu menjana pembangunan ekonomi negara dalam pelbagai bidang, khususnya bidang yang memang berpotensi untuk di majukan di negara ini," katanya. **-OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM**



UMS  
MALAYSIA SABAH